

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 18 MEI 2016 (RABU)

SOALAN :

YB Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah cuaca yang melampau (*extreme weather*) iaitu musim kemarau yang berpanjangan pada permulaan tahun yang menyebabkan kekurangan bekalan air dan musim tengkujuh yang berpanjangan pada akhir tahun yang menyebabkan banjir.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah-langkah bagi mengurangkan impak fenomena El Nino sedang dan telah diambil oleh pelbagai kementerian dan agensi dalam menangani kesan El Niño dan cuaca panas. MetMalaysia sentiasa memantau keadaan cuaca terutama cuaca panas secara berterusan dan memberikan amaran awal kepada masyarakat dan negara terutamanya gelombang haba. Kenyataan media mengenai gelombang haba akan dikeluarkan apabila suhu maksima harian yang direkodkan melebihi 37°C selama tiga (3) hari berturut-turut.

Selain daripada itu, MetMalaysia juga turut melaksanakan Operasi Pembenihan Awan (OPA) berdasarkan kepada situasi bagi meningkatkan bekalan air di empangan bagi kegunaan domestik, pertanian dan hidroelektrik dan menangani masalah jerebu serta cuaca kering. Proses OPA bergantung pada keadaan awan dan cuaca. OPA juga dibantu oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Selain daripada itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bekerjasama dengan agensi berkenaan bagi melakukan OPA untuk mendapatkan hujan bagi meningkatkan kapasiti air di kawasan tadahan atau sekitar empangan yang berkaitan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut mengambil langkah proaktif bagi mengurangkan impak fenomena El Niño dengan memastikan fasiliti dan kakitangan perubatan mencukupi. Tumpuan juga diberikan diperingkat '*front line*' seperti di klinik kesihatan untuk menangani kes-kes penyakit berkaitan cuaca panas. Selain itu, kempen kesedaran seperti ceramah, edaran risalah serta pemakluman melalui

laman web bagi langkah-langkah pencegahan penyakit turut dilaksanakan. KKM juga sentiasa memastikan bekalan air di hospital dan klinik kesihatan kerajaan adalah mencukupi. Bagi mengelakkan masalah kesihatan kepada murid-murid, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan arahan penutupan sekolah bagi kawasan-kawasan yang mencatat bacaan suhu tertinggi melebihi 37 °C dalam tempoh tiga (3) hari berturut-turut. Murid-murid juga dinasihatkan supaya tidak membuat sebarang aktiviti pembelajaran di luar bilik darjah dan minum air yang dimasak dengan secukupnya untuk mengelakkan dehidrasi.

Tuan Yang di-Pertua,

Cuaca panas dan kering berkait rapat dengan kejadian jerebu. Sehubungan itu, Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (JAS, NRE) memantau Indeks Pencemaran Udara (IPU) di seluruh Malaysia dan akan mengeluarkan amaran sekiranya indeks pencemaran udara mencapai tahap tidak sihat. JAS turut membuat ramalan tempoh jerebu akan berakhir berdasarkan data-data arah angin daripada MetMalaysia. JAS turut membuat rondaan dan penguatkuasaan larangan pembakaran terbuka. Selain itu, JAS akan memberi maklumat melalui kenyataan akhbar mengenai larangan kebakaran secara terbuka terutamanya di kawasan tanah gambut. JAS juga menganjurkan program-program kesedaran awam bagi langkah-langkah pengurusan tanah gambut yang sering terbakar.

Keadaan cuaca panas dan kering juga menyebabkan kekurangan bekalan air terutamanya di kawasan-kawasan tadahan hujan. Ia telah mengakibatkan penurunan paras air di tujuh (7) buah empangan sehingga melepasi paras 50%. Ini menjejaskan bekalan air bagi tujuan pengairan dan bekalan air kegunaan awam. Penyusutan paras air di

empangan menyebabkan catuan bekalan air di beberapa negeri kepada pengguna awam atau pemberhentian bekalan air bagi keperluan pertanian. Bagi empangan-empangan yang berada pada tahap kritikal, keutamaan adalah untuk kegunaan domestik dan pengairan untuk kegiatan pertanian akan dijadual semula. Ini sebagai langkah untuk mengelakkan tindakan pencatuan air berpanjangan.

Bagi menangani kekurangan bekalan air, Agensi *Remote Sensing* Malaysia (ARSM), MOSTI bersama dengan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), NRE telah bekerjasama dalam mengenal pasti kawasan-kawasan yang berpotensi bagi telaga bawah tanah (*tubewell*) seperti di Johor, Negeri Sembilan dan Selangor bagi membekalkan air bersih di kawasan tersebut. Terdapat cadangan penambahan bagi empat (4) kawasan *tubewell* iaitu dua (2) kawasan di Kedah dan dua (2) kawasan di Pahang. Kawasan-kawasan yang berpotensi bagi *tubewell* akan menggunakan parameter geologi iaitu jenis batuan, jenis tanah dan saliran. Selain daripada itu, Rejimen Askar Jurutera Diraja, Angkatan Tentera Malaysia (RAJD, ATM) telah dikerahkan untuk membantu operator-operator air negeri mengagihkan bekalan air ke kawasan yang memerlukan.

Indeks terkuat El Niño telah berlaku pada awal Disember 2015 yang menyamai kekuatan El Niño pada tahun 1997/98. Keadaan El Niño kini kian melemah dan MetMalaysia menjangkakan bahawa cuaca panas dan kering ini akan menjadi normal pada Jun 2016.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi pengendalian tindak balas bencana dalam tempoh musim banjir kali ini, Kerajaan akan mengarahkan petugas-petugas daripada agensi penyelamat supaya bersiap sedia untuk diaturgerak bagi pelaksanaan

operasi pemindahan dan penyelamatan yang terdiri dari Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Sebagai sokongan kepada operasi tindak balas ini, aset-aset milik agensi berkenaan turut akan diletakkan dalam keadaan siap siaga. Antaranya adalah lori (998 unit), kenderaan pacuan empat roda (1,882 unit) dan bot penyelamat (1,456 unit) akan digerakkan bagi tujuan penyelamatan mangsa dan pemindahan mangsa yang terjejas bencana banjir.

Bagi kali ini juga, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan 5,122 pusat pemindahan yang boleh menampung lebih 1.6 juta mangsa banjir. Selain itu, sebanyak lima (5) buah Depot Simpanan Keperluan Bencana telah diwujudkan mengikut zon iaitu di Kemumin (Kelantan), Marang (Terengganu), Bedong (Kedah), Sungai Buloh (Selangor) dan Muar (Johor). JKM juga telah menetapkan sebanyak 565 buah pangkalan hadapan serta melantik 1,151 pembekal setempat bagi menyokong kelangsungan penyampaian bekalan makanan dan keperluan asas kepada mangsa dengan segera. Selain daripada itu, JPAM turut mewujudkan depoh-depoh simpanan bantuan bencana di lokasi-lokasi terpilih terutamanya di kawasan yang berisiko berlakunya banjir. Bagi memastikan kebajikan mangsa-mangsa bencana di pusat-pusat pemindahan, JPAM akan menyokong pihak JKM dalam melancarkan pengurusan terutama dalam aspek pendaftaran kemasukan mangsa ke pusat pemindahan dan menyelia pasukan-pasukan badan bukan Kerajaan (NGO) yang turut membantu.

Selari dengan usaha untuk memantapkan pengurusan penyampaian bantuan bencana, NADMA selaku penyelaras utama telah menyediakan platform induk bagi menghubungkan rangkaian kerjasama di peringkat pusat bersama NGO untuk mengenalpasti keupayaan dan bentuk

sumbangan bantuan yang boleh digembleng bagi membantu kebajikan mangsa-mangsa bencana. Kerajaan telah menganjurkan satu sesi khas bersama NGO dan badan-badan korporat bagi mendapatkan persefahaman dalam meningkatkan keberkesanan usaha penyampaian bantuan kepada mangsa bencana yang amat memerlukan khususnya di kawasan-kawasan sasaran.

Sekian. Terima kasih.